

Bahagian B
(30 markah)

Soalan 21

- a) Gantikan perkataan bergaris dengan penjodoh bilangan yang betul.
Kemudian, salin semula ayat.

Haris membeli seutas cincin emas untuk dihadiahkan kepada bakal isterinya.

[2 markah]

- b) Tulis ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Sara menangis kerana kereta mainannya rosak.

[2 markah]

- (c) Tandakan (✓) atau (X) pada penggunaan perkataan bergaris di bawah.

- i. Pak Mat membelah kayu itu dengan selaras kapak yang tajam.

- ii. Bunga hiasan itu diperbuat daripada bahan-bahan terbang.

[2 markah]

Soalan 22

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

dari kepada sejak demi untuk

- a) Pelancong yang melawat Pasar Seni itu berasal_____Jepun.
- b) Para perajurit sanggup berkorban_____mempertahankan negara.
- c) Bungkusan makanan itu adalah_____mangsa-mangsa banjir.
- d) Guru besar sedang menyampaikan sijil penyertaan_____para peserta.
- e) Amir tinggal dengan neneknya_____kedua-dua ibu bapanya meninggal dunia.

[5 markah]

Soalan 23

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**PROMOSI BUKU TERBAHARU
TERBITAN SYARIKAT PERSADA ILMU
PANDUAN PENULISAN BAHASA MELAYU
TAHUN EMPAT**

Terdiri daripada empat bahagian:

- Panduan membina ayat, membina ulasan dan menulis karangan
- Contoh menjawab soalan-soalan peperiksaan
- Latihan penulisan
- Jawapan

Harga hanya RM12.00 senaskah.
Untuk membuat pesanan, boleh hubungi di talian
03-40463552 atau hantar ke e-mel: persadailmu@gmail.com

(a) Syarikat manakah membuat promosi buku terbaharu?

[1 markah]

(b) Apakah panduan yang terdapat di dalam buku tersebut?

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan membeli buku-buku rujukan yang dijual di pasaran?

[3 markah]

Baca petikan berita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Melaka, 1 September 2021- Sambutan Hari Kemerdekaan telah diadakan di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah(MBMB)dengan penuh meriah. Pelbagai program dijalankan seperti nyanyian, tarian pelbagai etnik,lakonan, dan perbarisan telah memeriahkan sambutan pada kali ini.

Lebih 300 000 pengunjung yang terdiri daripada pelbagai kaum menyaksikan acara perbarisan dan perarakan di pekarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Bandar Hilir. Banyak pengunjung memakai tudung dan baju yang bertemakan Jalur Gemilang. Kehadiran pengunjung di sini membuktikan rakyat amat mementingkan perpaduan kaum dan cinta akan negara.

(a) Di manakah sambutan Hari Kemerdekaan diadakan?

[2 markah]

(b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

Sambutan Hari Kemerdekaan diadakan di Dataran Merdeka.	
Antara program yang dijalankan ialah nyanyian, lakonan, dan perbarisan.	

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menyambut Hari Kemerdekaan pada setiap tahun?

[3 markah]

Soalan 25

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnyadengan menggunakan ayat yang lengkap.

**Pesan
Nenek**

Pesan nenek
Kasih sayang sukar dicariwang
bukan segalanya
luangkanlah masa bersama-sama keluargamu

Pesan nenek
duit yang ada perlu dihargai
berhemahlah ketika berbelanja
Agar tidak merana diri

Pesan nenek
carilah kawan bukan lawan
sekali terjebak balik ke pangkal jalan
hargailah dirimu selagi bernyawa

(a) Perkataan *pesan* boleh digantikan dengan perkataan_____.

[1 markah]

(b) Mengapakah kita perlu berhemah ketika berbelanja ?

[2 markah]

(c)
(d)

Cari kawan bukan lawan Sekali terjebak balik ke pangkal jalan
--

Terangkan maksud baris-baris puisi di atas.

[3 markah]